

**“Kempen Gandakan Ganjaran, Gandakan
Kebahagiaan: Dapatkan Pulangan Tunai dan
Emas apabila berbelanja dengan Kad Kredit
Visa”**

Terma dan Syarat

1. "Kempen Gandakan Ganjaran, Gandakan Kebahagiaan: Dapatkan Pulangan Tunai dan Emas apabila berbelanja dengan Kad Kredit Visa" ("**Kempen**") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") dan berlangsung mulai 26 April 2024 hingga 25 Oktober 2024 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh masa lain yang mungkin dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**"). Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju untuk terikat dengan dan menerima sepenuhnya semua Terma dan Syarat.

BUTIRAN KEMPEN

2. Kempen ini terbuka untuk semua Pemenang Kad Kredit Visa Alliance Bank yang baharu dan yang sedia ada ("**Pemegang Kad yang Layak**") yang memiliki Kad Kredit yang sah dan pembayaran boleh dibuat di titik transaksi semasa Tempoh Kempen ("**Kad Kredit**"), seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut dasar dalaman Bank.
3. Bagi mengelakkan kekeliruan:
 - i. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan berkaitan Kempen ini akan terakru kepada Pemegang Kad Utama yang sama dengan syarat akaun Pemegang kad Utama adalah aktif, sah dan dalam kedudukan kredit yang baik;
 - ii. Penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan melucutkan penyertaan Pemegang Kad Utama daripada Kempen ini.
4. Individu-individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - i. Pemegang Kad Visa bukan Alliance Bank
 - ii. Pemegang Kad mana-mana Kad Kredit Perniagaan;
 - iii. Pemegang Kad yang akaun mereka dengan Bank dalam keadaan dorman, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - iv. Pemegang Kad yang sudah meninggal, atau mereka yang menghadapi sebarang prosiding undang-undang dalam apa juga bentuk;
 - v. Individu yang tidak waras, individu yang belum dewasa atau yang muflis;
 - vi. Mana-mana individu lain seperti yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut dasar-dasar dalaman.
 - vii. Mana-mana individu lain yang Bank mungkin memutuskan untuk dikecualikan mengikut prosedur dalaman Bank.
5. Para pekerja tetap dan/atau kontrak Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat yang berkaitan) dikecualikan daripada menyertai Kempen ini.
6. Penyertaan kempen adalah secara automatik untuk Pemegang Kad yang Layak tertakluk kepada pematuhan Terma dan Syarat yang terkandung. Penyertaan tidak memerlukan pra pendaftaran, SMS atau borang penyertaan.

TATACARA DAN GANJARAN KEMPEN

7. Untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dikehendaki memenuhi jumlah perbelanjaan terkumpul minimum sekurang-kurangnya RM500 menggunakan Kad Kredit untuk memperoleh penyertaan kempen seperti berikut ("**Transaksi yang Layak**") yang berkaitan Perjalanan (Hotel dan penerbangan), Perbelanjaan Luar Negara, Transaksi E-dagang/Dalam Talian; Perbelanjaan Runcit Tempatan, atau Pelan Pembayaran Ansuran 0% (0% IPP) melalui Terminal Pine Lab dengan Kad Kredit Visa Bank:
 - i. Setiap perbelanjaan berkaitan dengan Perjalanan (Hotel dan Penerbangan) sebanyak RM2,000 akan layak memperoleh tiga puluh (30) penyertaan semasa Tempoh Kempen; atau
 - ii. Setiap Perbelanjaan Luar Negara sebanyak RM500 akan layak memperoleh tiga puluh (30) penyertaan semasa Tempoh Kempen; atau
 - iii. Setiap Transaksi E-Dagang/Dalam Talian sebanyak RM500 akan layak memperoleh sepuluh (10) penyertaan semasa Tempoh Kempen; atau

- iv. Setiap Perbelanjaan Runcit Tempatan sebanyak RM1,000 akan layak memperoleh sepuluh (10) penyertaan semasa Tempoh Kempen; atau
- v. Setiap penukaran 0% IPP pada Terminal Pine Lab dengan jumlah transaksi minimum sebanyak RM4,000 akan layak memperoleh dua puluh (20) penyertaan semasa Tempoh Kempen

Jumlah perbelanjaan Kad Prinsipal dan Kad Tambahan digabungkan.

Kategori Perbelanjaan Kempen, Kriteria Perbelanjaan dan Penyertaan ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kategori Perbelanjaan Kempen dan Penyertaan

Kategori Perbelanjaan	Kriteria Perbelanjaan	Bilangan Penyertaan	Tingkat Perolehan Penyertaan
Perjalanan (Hotel dan Penerbangan)	Setiap perbelanjaan RM2,000 untuk tempahan hotel dan penerbangan	30 Penyertaan	1
Perbelanjaan Luar Negara	Setiap perbelanjaan RM500	30 Penyertaan	2
Transaksi E-dagang/Dalam Talian	Setiap perbelanjaan RM500	10 Penyertaan	3
Pelan Pembayaran Ansuran 0% melalui Terminal Pine Labs	Setiap penukaran pembelian kepada 0% IPP melalui terminal Pine Labs, dengan saiz tiket minimum RM4,000	20 Penyertaan	4
Perbelanjaan Runcit Tempatan	Setiap perbelanjaan RM1,000	10 Penyertaan	5

Nota Penting:

- a) Untuk perbelanjaan kad kredit yang berada di bawah 2 atau lebih kategori perbelanjaan yang serupa, bilangan penyertaan akan diberikan kepada hanya 1 kategori perbelanjaan daripada Tingkat Perolehan Kemasukan tertinggi. Tingkat Perolehan Penyertaan tertinggi ditakrifkan sebagai 1 sebagai yang tertinggi dan 5 sebagai tingkat terendah seperti Jadual 1.
 - b) Perbelanjaan Luar Negara yang dicaj dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia oleh bank untuk pengiraan penyertaan.
8. Perbelanjaan Bulanan yang Layak tidak termasuk perkara di bawah:
- i. Fi pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai, Program Pemindahan Baki, Quick Cash, Pelan Ansuran Tunai, pembayaran bil melalui perbankan internet, transaksi JomPay, transaksi FPX; transaksi kuasi tunai, fi tahunan, fi pembayaran lewat, faedah, caj kewangan; dan/atau sebarang program perkongsian khas;
 - ii. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana peniaga yang dikaitkan dengan atau dikawal oleh mereka (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemilik, rakan kongsi, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana perbadanan atau entiti perniagaan di mana mereka ialah pekerja atau majikan atau bekerja dengan atau mempunyai saham atau kepentingan dalam atau merupakan pengarah;
 - iii. Transaksi runcit yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak dibenarkan dan/atau penipuan; dan/atau
 - iv. Transaksi dengan Kod Kategori Saudagar ("MCC") di bawah, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2:

Jadual 2: Transaksi Dikecualikan / Fi dan Caj

Transaksi / Fi dan Caj	Kod MCC
Bayaran Insurans	5960 - Perkhidmatan Insurans Pemasaran Langsung 6300 - Taja Jamin Insurans, Premium

Tambah nilai e-dompet	6540 - Institut Bukan Kewangan – Pembelian/Penambahan Kad Nilai Tersimpan
Transaksi runcit yang dilakukan / pembayaran yang dibuat kepada mana-mana Agensi/Badan Kerajaan untuk perkhidmatan	9211 - Kos Mahkamah, Termasuk Alimoni dan Sokongan Anak 9222 - Denda 9223 - Pembayaran Jaminan, Bon 9311 - Pembayaran Cukai 9399 - Perkhidmatan Kerajaan (Tidak Diklasifikasikan di Tempat Lain) 9402 - Perkhidmatan Pos - Kerajaan Sahaja 9405 - Pembelian Intra-Kerajaan - Kerajaan sahaja
Pembayaran kepada Organisasi Kebajikan/Perkhidmatan Sosial	8398 - Pertubuhan, Pertubuhan Amal dan Perkhidmatan Sosial
Transaksi Kuasi Tunai	7995 - Transaksi Perjudian
Pendahuluan Tunai, sebarang fi atau caj seperti Caj Kewangan, Caj Lewat, Fi Tahunan, Pindahan Baki atau Tunai Segera tidak layak untuk sebarang Ganjaran Hadiah.	NIL

Rujuk kepada ilustrasi untuk penyertaan diperoleh seperti yang ditetapkan dalam Ilustrasi 1 di bawah:

Ilustrasi 1: Bilangan Penyertaan yang Diperoleh

Senario A:

Pelanggan A melakukan perbelanjaan Hotel sebanyak RM9,000 di Hilton Seoul dan Transaksi Runcit sebanyak RM800 di Jaya Grocer seperti jadual di bawah. Pelanggan A memperoleh 120 penyertaan daripada kategori Perjalanan dan tiada penyertaan diperoleh daripada Perbelanjaan Runcit Tempatan kerana perbelanjaan minimum untuk transaksi runcit ialah RM1,000.

Pemegang Kad yang Layak	Kategori Perbelanjaan	Saudagar	Amaun Perbelanjaan	Memenuhi syarat Penyertaan	Bilangan Penyertaan yang Diperoleh
Pelanggan A	Perjalanan (Hotel & Penerbangan)	Hilton Seoul	RM9,000	Ya	120
	Perbelanjaan Runcit Tempatan	Jaya Grocer	RM800	Tidak	0
Jumlah Penyertaan Diperoleh					120

Senario B:

Pelanggan B melakukan perbelanjaan runcit sebanyak RM1,100 di AEON dan pembayaran Insurans sebanyak RM3,600 di AIA. Pelanggan B memperoleh 10 penyertaan daripada kategori Perbelanjaan Runcit Tempatan dan tiada penyertaan diperoleh daripada premium Insurans. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2: Kecuali Transaksi / Fi dan Caj, bayaran insurans dikecualikan daripada perolehan penyertaan.

Pemegang Kad yang Layak	Kategori Perbelanjaan	Saudagar	Amaun Perbelanjaan	Memenuhi syarat Penyertaan	Bilangan Penyertaan Diperoleh
Pelanggan B	Perbelanjaan Runcit Tempatan	AEON	RM1,100	Ya	10
	Premium Insurans	AIA	RM3,600	Tidak	0
Jumlah Penyertaan Diperoleh					10

Senario C:

Pelanggan C membelanjakan untuk tempahan penerbangan sebanyak RM15,000 di laman web dalam talian Malaysia Airlines dan transaksi runcit sebanyak RM1,000 di Jaya Grocer. Transaksi RM15,000 ini termasuk di bawah kedua-dua kategori Perjalanan dan kategori Transaksi E-dagang/Dalam Talian. Walau bagaimanapun, perolehan penyertaan hanya diberikan kepada 1 kategori perbelanjaan berdasarkan tingkat tertinggi dalam Jadual 1. Dalam senario ini, kategori Perjalanan disenaraikan sebagai Tingkat 1 dan kategori Transaksi E-dagang/Dalam Talian disenaraikan sebagai Tingkat 3. Dengan ini, bank akan memperuntukkan penyertaan kepada tingkat yang lebih tinggi - kategori Perjalanan (210 penyertaan).

Pemegang Kad yang Layak	Kategori Perbelanjaan	Saudagar	Amaun Perbelanjaan	Memenuhi syarat Penyertaan	Bilangan Penyertaan Diperoleh
Pelanggan C	Perjalanan (Hotel & Penerbangan)	Malaysian Airlines	RM15,000	Ya	210
	Perbelanjaan Runcit Tempatan	Jaya Grocer	RM1,000	Ya	10
	Transaksi E-dagang/Dalam Talian	Malaysian Airlines	RM15,000	Tidak	0
Jumlah Penyertaan Diperoleh					220

Senario D:

Pelanggan D melakukan transaksi runcit sebanyak RM16,000 di kedai SenHeng dan memutuskan untuk menukar pembelian kepada Pelan Bayaran Ansuran 0% melalui terminal Pine Labs. Pembelian RM16,000 ini termasuk di bawah kedua-dua kategori Perbelanjaan Runcit Tempatan dan Pelan Bayaran Ansuran 0% pada kategori Terminal Pine Labs. Walau bagaimanapun, perolehan penyertaan hanya diberikan kepada 1 kategori perbelanjaan berdasarkan tingkat tertinggi dalam Jadual 1. Dalam senario ini, Pelan Bayaran Ansuran 0% pada Kategori Pine Labs disenaraikan sebagai Tingkat 4 dan kategori Perbelanjaan Runcit Tempatan disenaraikan sebagai Tingkat 5. Dengan ini, kami akan memperuntukkan penyertaan kepada tingkat yang lebih tinggi iaitu kategori Pelan Bayaran Ansuran 0% (80 penyertaan).

Kedua, perbelanjaan Pelanggan D sebanyak RM1,000 untuk Touch n' Go (e-dompot) dikecualikan daripada perolehan penyertaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2: Transaksi Dikecualikan / Fi dan Caj, e-dompot dikecualikan daripada perolehan penyertaan.

Pemegang Kad yang Layak	Kategori Perbelanjaan	Saudagar	Amaun Perbelanjaan	Memenuhi syarat Penyertaan	Bilangan Penyertaan Diperoleh
Pelanggan D	Perbelanjaan Runcit Tempatan	Senheng	RM16,000	Tidak	0
	Transaksi E-dagang/Dalam Talian	Touch n' Go	RM1,000	Tidak	0
	Pelan Pembayaran Ansuran 0% melalui Terminal Pine Labs	Senheng	RM16,000	Ya	80
Jumlah Penyertaan Diperoleh					80

9. Penetapan kategori Saudagar dan MCC untuk setiap saudagar dilakukan oleh bank pemerolehan saudagar masing-masing dan bank tertentu bertanggungjawab untuk menetapkan kategori Saudagar dan MCC yang betul. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak tidak memenuhi kriteria Transaksi yang Layak disebabkan oleh penetapan kategori Saudagar dan MCC yang salah oleh bank pemerolehan, Bank tidak bertanggungjawab ke atas percanggahan tersebut yang berada di luar kawalan Bank.
10. Semua Transaksi yang Layak perlu mempunyai tarikh transaksi (ditakrifkan sebagai tarikh transaksi dicaj kepada Kad Kredit Pemegang Kad Layak mengikut rekod Bank) dalam Bulan Kempen yang sama akan diagregatkan untuk Bulan Kempen yang sama. Transaksi yang diluluskan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen perlu dirakam dan dimasukkan ke sistem Bank dalam Tempoh Kempen bagi layak untuk Hadiah Bulanan dan/atau Hadiah Utama. Semua transaksi yang diluluskan yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat untuk semua Pemegang Kad yang Layak. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas penyiaran runcit yang lewat, dibatalkan, diterbalikkan/dibayar balik, dipertikaikan, tanpa kebenaran dan/atau

penipuan. Sebarang amaun Transaksi yang tidak disiarkan dalam bulan yang sama dengan transaksi tidak akan diagregatkan untuk bulan tersebut.

11. Kempen ini tidak terpakai bersama dengan mana-mana promosi atau kempen lain oleh Bank yang sedang berjalan melainkan dinyatakan sebaliknya.
12. Ganjaran Kempen yang diberikan untuk Kempen ini adalah mengikut dasar dalaman Bank dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah dianggap muktamad.
13. Hadiah Bulanan berupa Pulangan Tunai RM500 dihadkan kepada seratus (100) orang pemenang sebulan dengan pulangan tunai sebanyak RM50,000 sebulan; dan seramai enam ratus (600) orang pemenang sepanjang Tempoh Kempen dengan Pulangan Tunai sebanyak RM300,000. Hadiah Utama berupa Jongkong Emas 999.9 Buatan Khas 50mm x 30mm (25.67gm) bernilai RM10,000 dihadkan kepada lima (5) orang pemenang sepanjang Tempoh Kempen.

Tempoh Penyertaan Kempen dan hadiah Kempen adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 3:

Jadual 3: Tempoh Penyertaan Kempen dan hadiah Kempen

Kategori Hadiah	Bulan Penyertaan Kempen ("Bulan Kempen")	Tempoh Penyertaan Kempen	Hadiah Kempen	No. Pemenang Kempen	Jumlah Hadiah
Hadiah Bulanan	Bulan 1	26 April 2024 – 25 Mei 2024	Pulangan tunai RM500	100	RM50,000
	Bulan 2	26 Mei 2024 – 25 Jun 2024	Pulangan tunai RM500	100	RM50,000
	Bulan 3	26 Jun 2024 – 25 Julai 2024	Pulangan tunai RM500	100	RM50,000
	Bulan 4	26 Julai 2024 – 25 Ogos 2024	Pulangan tunai RM500	100	RM50,000
	Bulan 5	26 Ogos – 25 September 2024	Pulangan tunai RM500	100	RM50,000
	Bulan 6	26 September 2024 – 25 Oktober 2024	Pulangan tunai RM500	100	RM50,000
Jumlah				600	RM300,000

Kategori Hadiah	Bulan Penyertaan Kempen ("Bulan Kempen")	Tempoh Penyertaan Kempen	Hadiah Kempen	No. Pemenang Kempen	Jumlah Hadiah
Hadiah Utama	Bulan 1 – Bulan 6	26 April 2024 – 25 Oktober 2024	Jongkong Emas 999.9 Buatan Khas 50mm x 30mm (25.67gm) bernilai RM10,000	5	RM50,000

PENUNAIAAN KEMPEN

14. **Proses Penunaian Kempen dan Pemilihan Pemenang bagi Hadiah Bulanan** adalah seperti berikut:

- i. Pemegang Kad yang Layak yang memenuhi semua syarat yang diperuntukkan dalam Klausa 7 hingga 8 di sini akan disenarai pendekkan berdasarkan seratus (100) jumlah penyertaan terkumpul tertinggi setiap bulan untuk Hadiah Bulanan;
- ii. Sekiranya berlaku seri untuk Hadiah Bulanan, Bank akan menentukan pemenang untuk Pulangan Tunai berdasarkan cap waktu yang paling awal untuk mencapai perbelanjaan tertinggi.
- iii. Hadiah Bulanan akan dikreditkan ke dalam Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak dalam tempoh empat (4) bulan selepas berakhirnya setiap Bulan Kempen seperti yang ditetapkan dalam Jadual 4 ("**Tempoh Penunaian**");
- iv. Kad Kredit mestilah sah, aktif (tidak dorman, ditutup atau ditamatkan) dan dalam kedudukan kredit yang baik seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut dasar dalaman Bank, untuk layak menyertai dan berpeluang memenangi Hadiah Bulanan. Jika semasa Tempoh Kempen atau Tempoh Penunaian, Pemegang Kad yang Layak menutup Kad Kredit atau sebarang sebab, penyertaan mereka dalam Kempen ini terbatal dan tidak sah berkuat kuasa serta-merta;
- v. Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau pemberitahuan semerta aplikasi mudah alih allianceonline melalui nombor mudah alih terkini mereka yang diambil dan ditunjukkan dalam sistem dan/atau rekod Bank sebaik sahaja Hadiah Bulanan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak;
- vi. Untuk sebarang Transaksi atau pembayaran yang kemudiannya dibatalkan, diisytiharkan tidak sah atau diterbalikkan dalam Bulan Kempen yang sama, pelarasan yang berkaitan akan dibuat. Sekiranya pelarasan tidak dibuat, Bank berhak untuk mendapatkan kembali jumlah Hadiah Bulanan yang dikreditkan.
- vii. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau Hadiah Bulanan tidak diterima, Pemegang Kad yang Layak perlu menghubungi Pusat Perhubungan Bank (03-5516 9988) selewat-lewatnya pada 25 Februari 2025. Pertanyaan tidak akan dilayan selepas 25 Februari 2025;
- viii. Hadiah Bulanan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau hadiah lain atau ganjaran yang sama nilainya atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.
- ix. Pemegang Kad yang Layak berpeluang memenangi sehingga enam (6) Hadiah Bulanan RM500 sepanjang Tempoh Kempen.

15. **Proses Penunaian Kempen dan Pemilihan Pemenang bagi Hadiah Utama** adalah seperti berikut:

- i. Hadiah Utama disediakan oleh Tomei Gold & Jewellery ("**Tomei**").
- ii. Pemilihan para pemenang akan dilakukan selepas tamat Tempoh Kempen;
- iii. Pemegang Kad yang Layak yang memenuhi semua syarat yang diperuntukkan dalam Klausa 7 hingga 8 yang terkandung di sini akan disenarai pendek oleh pemilihan rawak berkomputer untuk Hadiah Utama;
- iv. Pemenang yang disenarai pendek untuk Hadiah Utama akan dihubungi oleh wakil Bank melalui panggilan menggunakan maklumat yang direkodkan dalam sistem bank dalam tempoh empat (4) bulan selepas tamat tempoh kempen seperti yang ditetapkan dalam Jadual 4 ("**Tempoh Penunaian**");
- v. Pemenang yang disenarai pendek dikehendaki menjawab 1 soalan mudah berkaitan Kempen untuk menerima Hadiah Utama. Pemenang yang gagal menjawab soalan dengan betul akan dibatalkan kelayakan dan Bank akan memilih Pemenang seterusnya;
- vi. Sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak boleh dihubungi selepas 3 percubaan pada hari yang sama atas apa jua sebab dan/atau Pemenang yang disenarai pendek ingin menarik diri daripada Kempen apabila dihubungi oleh wakil bank, mereka akan hilang kelayakan daripada Kempen ;
- vii. Bank boleh mendedahkan atau menerbitkan nama pemenang Kempen dan 4 digit terakhir nombor pengenalan melalui media, bahan pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Kempen ini ("**Pengumuman Pemenang**");
- viii. Hadiah Utama perlu diambil sendiri oleh pemenang di cawangan Tomei yang ditetapkan. Bank hendaklah memberitahu pemenang tentang cawangan Tomei yang ditetapkan untuk pengambilan hadiah.
- ix. Pemenang dikehendaki mengambil hadiah mereka dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pemenang Peraduan diumumkan. Kegagalan untuk mematuhi cara pengambilan dan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan hadiah, dan pemenang tidak akan mempunyai sebarang tuntutan terhadap Bank, syarikat gabungannya, anak syarikat, pekerja, wakil, peruncit, pengedar dan/atau peniaga sekiranya dilucuthakkan. Pemenang bertanggungjawab untuk membuat urusan yang diperlukan dengan Tomei untuk menebus Hadiah Utama mereka. Bank tidak akan menanggung sebarang penunaian dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung oleh Pemegang Kad yang Layak semasa menebus dan/atau menggunakan Hadiah Utama.
- x. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Hadiah Utama ke alamat tempatan atau luar negara, pihak ketiga dana/atau alamat Peti Surat;
- xi. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak membuat dan dengan ini secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan Tomei. Secara khusus, Bank tidak memberikan waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang waranti kualiti produk dan perkhidmatan yang memuaskan oleh Tomei. Semua pertikaian yang timbul daripada Hadiah Utama akan ditangani dengan Tomei. Bank tidak menjamin atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kecederaan badan yang

disebabkan oleh Hadiah Kempen dan juga tidak mewakili kualiti atau kesesuaian untuk sebarang tujuan Hadiah Kempen;

- xii. Hadiah Utama tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau hadiah lain atau ganjaran yang sama nilainya atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.
 - xiii. Pemegang Kad yang Layak berpeluang memenangi maksimum (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.
16. Tempoh Penyertaan Kempen dan Tarikh Penunaian Hadiah adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 4:

Jadual 4: Tempoh Penunaian Kempen

Kategori Hadiah	Bulan Penyertaan Kempen ("Bulan Kempen")	Tarikh Penunaian
Hadiah Bulanan	26 April 2024 – 25 Mei 2024	Sebelum 25 September 2024
	26 Mei 2024 – 25 Jun 2024	Sebelum 25 Oktober 2024
	26 Jun 2024 – 25 Julai 2024	Sebelum 25 November 2024
	26 Julai 2024 – 25 Ogos 2024	Sebelum 25 Disember 2024
	26 Ogos – 25 September 2024	Sebelum 25 Januari 2025
	26 September 2024 – 25 Oktober 2024	Sebelum 25 Februari 2025
Hadiah Utama	26 April 2024 – 25 Oktober 2024	Sebelum 25 Februari 2025

TERMA DAN SYARAT AM

- 17. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dikehendaki membaca dan memahami terma yang disediakan sebelum bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan Bank berhubung semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan terikat untuk semua Pemegang Kad dan sebarang surat menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
- 18. Bank berhak untuk menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan menambah, memadam, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis awal melalui siaran pada laman web Bank, paparan di premis cawangan atau iklan atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh Bank dan ini hendaklah mengikat Pemegang Kad yang Layak mulai tarikh pemberitahuan atau mulai tarikh lain seperti yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan. Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk mengakses laman web Bank dari semasa ke semasa untuk melihat Terma dan Syarat Kempen ini.
- 19. Bank berhak untuk menukar atau menggantikan pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya sendiri sebagaimana dasar dalaman bank, Ganjaran Kempen ini dengan item lain atau ganjaran yang sama nilai dengan memberikan notis awal melalui laman web Bank.
- 20. Terma dan Syarat Kempen adalah tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir akaun Produk dan perbankan Pemegang Kad yang dibuka dengan Bank ("Terma Sedia Ada").
- 21. Terma dan Syarat Kempen dan keputusan Bank berhubung semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan terikat untuk semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
- 22. Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini akibat tindakan pemegang kad itu sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pemegang Kad yang Layak dalam apa cara sekalipun jika Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah Kempen ini secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan keluar, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank.

23. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, apa jua campuran tangan, gangguan, ralat elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, kedai saudagar, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang mungkin menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen.
24. Kad yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak hendaklah pada setiap masa (i) sah, dalam kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana kandungan Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma yang Sedia Ada; dan (ii) tidak boleh ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah sekatan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh Bank untuk layak mendapat Ganjaran Kempen.
25. Bank mengikut budi bicaranya berhak untuk melucutkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan Ganjaran Kempen dalam keadaan di mana terdapat transaksi penipuan, tanpa kebenaran atau pembalikan transaksi atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini mengikut dasar dalaman ABMB. Semua rekod Bank berkaitan transaksi yang dibuat adalah tidak boleh dipertikaikan dan muktamad.
26. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau perlucutan kelayakan Pemegang Kad yang Layak atau perampasan Ganjaran Kempen tidak melayakkan Pemegang Kad yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, kehilangan kelayakan atau pelucuthakan disebabkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.
27. Pemegang Kad yang Layak secara peribadi bertanggungjawab terhadap semua cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap fi mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan Kempen ini.
28. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang sepenuhnya dan tidak boleh ditarik balik dan membenarkan ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar foto yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
29. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Notis dan Penyata Prinsip Pilihan yang terdapat di laman web Bank <https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010> dan dengan ini memberikan persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diambil oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.
30. Bank telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang direka untuk mencegah rasuah dan korupsi oleh Bank dan para pengarah, pegawai atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan anti-rasuah atau anti-korupsi yang terpakai untuk Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berhubung dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, memberi kuasa, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan bagi meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan lain apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
31. Dengan menyertai kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan tentang ringkasan dasar anti-rasuah dan anti-korupsi Bank yang disediakan di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan perjanjian/akujanji selanjutnya bahawa mereka tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.

32. Bagi Pemegang Kad Visa dengan jenis kad yang ditunjukkan dalam Jadual A di bawah, Visa menawarkan Perlindungan Pembelian E-Dagang & Waranti Lanjutan sebagai manfaat untuk memberikan perlindungan tambahan dan ketenangan fikiran kepada pemegang kad apabila membeli-belah dalam talian.

Jadual A:

Tarikh Program:	1 Oktober 2023 – 30 September 2024	
Jenis Kad:	Visa Signature & Visa Infinite (Kredit Pengguna sahaja)	
Manfaat:	Perlindungan Pembelian eDagang	Waranti Lanjutan
Butiran Tawaran:	<p>Perlindungan Pembelian eDagang akan menyediakan perlindungan yang berbeza setiap tahun untuk tingkat produk yang berbeza:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang kad Visa Signature dilindungi sehingga USD 200 setiap tuntutan, sehingga had USD 200 setahun • Pemegang kad Visa Infinite dilindungi sehingga USD 200 setiap tuntutan, sehingga had USD 200 setahun <p>Perlindungan Pembelian eDagang menyediakan perlindungan untuk kemungkinan kerugian daripada pembelian dalam talian, yang termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Barang yang dibeli tidak dihantar dan/atau tidak lengkap • Barang yang dihantar tidak berfungsi kerana kerosakan fizikal semasa penghantaran 	<p>Waranti Lanjutan menduplikasi syarat Waranti Pengeluar asal sehingga 1 tahun penuh dan meliputi pembaikan atau penggantian produk akibat kerosakan mekanikal yang menyebabkan artikel tidak sesuai untuk tujuan yang dimaksudkan selepas waranti awal produk telah tamat tempoh, dengan syarat-syarat termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian mesti mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan waranti pengilang • Pembelian diberikan sebagai hadiah adalah dilindungi • Pembelian Dilindungi termasuk pembelian melalui internet • Pembelian Dilindungi tidak perlu didaftarkan

Untuk maklumat lanjut tentang Perlindungan Pembelian E-Dagang dan Waranti Lanjutan Visa, sila rujuk https://www.visa.com.my/en_my/visa-offers-and-perks/aig-asia-pacific-insurance-pte-ltd/156444

PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN PENIPUAN DAN 'SCAM' PERBANKAN

33. Bank mungkin dari semasa ke semasa memberikan kemas kini atau kandungan terkini bertujuan mendidik Pemegang Kad yang Layak dan mewujudkan kesedaran bagi membantu mencegah atau mengurangkan risiko pemalsuan dan penipuan. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada petua keselamatan, kemas kini perisian/sistem operasi/aplikasi/versi, dan keperluan peraturan daripada mana-mana badan pentadbir yang berkaitan.
34. Pemegang Kad yang Layak hendaklah menyimpan dengan selamat semua instrumen perbankan, sebagai contoh buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih dan kod kebenaran transaksi (TAC). Pemegang Kad yang Layak hendaklah memberitahu Bank dengan segera apabila Pemegang Kad yang Layak menyedari bahawa mana-mana perkara di atas hilang atau digunakan tanpa kebenaran atau tidak mendapat kebenaran yang sewajarnya. Pemegang Kad yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang

berlaku selepas Pemegang Kad yang Layak memaklumkan kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pemegang Kad yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.

35. Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak dikaitkan dengan kecuaiian yang disengajakan oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pemegang Kad yang Layak dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami, mana-mana yang lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabahnyanya telah boleh dijangka oleh Bank.
36. Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad yang Layak tentang kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad yang Layak dikehendaki memberikan maklumat dan kerjasama yang mencukupi untuk memudahkan siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan pelanggan terlebih dahulu) untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank membuat siasatan:
 - i. Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
 - ii. Membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pemegang Kad yang Layak; dan/atau;
 - iii. Membatalkan kesahan instrumen perbankan; dan Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan setelah perkara yang di atas telah dilaksanakan